

**Jurnal Qiraat**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Universiti Islam Selangor (UIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang Selangor  
2025, Vol 8, Bil 1, Halaman 70-78

## **Analisis Penambahan Ya' Al-Zawa'id Dan Implikasi Terhadap Makna Ayat Al-Quran: Satu Kajian**

*[An Analysis of the Addition of Ya' al-Zawa'id and Its Implications on the Meaning of  
Qur'anic Verses: A Study]*

**Mohd Mahfuz Bin Jaafar<sup>1</sup>, Muhammad Syafee Salihin Bin Hasan,<sup>2</sup>  
& Muhammad Izzat Bin Ngah<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup> Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor Malaysia

<sup>3</sup> Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor Malaysia.

\* Corresponding Author: Mohd Mahfuz Bin Jaafar, Jabatan Tahfiz Al-Quran Dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43000, Malaysia, mohdmahfuz@uis.edu.my, 017 3899667, ORCID iD.

Artikel dihantar: 13 Jun 2025

Artikel diterima: 29 Jun 2025

Artikel diterbitkan: 30 Jun 2025

**ABSTRACT**

*Ya'at al-Zawa'id refers to the additional ya letter that appears in the recitation following a noun (ism) or verb (fi'l) in the Qur'an. It is a specific topic within the discipline of Qira'at that discusses differences among Qurra' regarding whether to include or omit it in recitation. Although it is not written in the Rasm Uthmani script of the Mushaf, it is still present in the oral recitation of certain riwayat. To date, discussions on Ya'at al-Zawa'id are largely confined to classical Qira'at literature, and have not been extensively addressed in modern academic writings. Accordingly, this study aims to analyze Ya'at al-Zawa'id in the Qur'an from the perspective of its semantic implications and translation—whether it functions merely as a phonetic addition or carries specific meaning. To achieve this objective, data were collected and analyzed using library research methodology. The findings indicate that in several instances in the Qur'an, Ya'at al-Zawa'id conveys a particular meaning, while in other cases, it functions solely as an additional phonetic element*

**Keywords:**

*Addition of Ya' al-Zawa'id, implications on meaning*

## ABSTRAK

*Ya'at al-Zawa'id* merupakan huruf *ya* tambahan pada sebutan selepas perkataan *ism* atau *fi'l* di dalam al-Quran. Ia merupakan satu bab dalam perbahasan ilmu al-Qiraat pada membincangkan perselisihan samada mendatangkannya ataupun tidak. Sekalipun tidak ditulis dalam mashaf *Rasm Uthmani* namun tetap juga wujud pada bacaan bagi riwayat bacaan yang tertentu. Masih belum terdapat perbahasan berkenaan dengan *Ya'at al-Zawa'id* pada mana-mana penulisan melainkan pada kitab perbahasan ilmu qiraat sahaja. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan menganalisis bacaan *Ya'at al-Zawa'id* di dalam al-Quran dari aspek makna dan terjemahannya adakah hanya sekadar penambahan dari segi sebutan atau ada memberi makna tertentu. Bagi mencapai objektif kajian ini, setiap maklumat dan data akan dikutip dan dianalisis dengan menggunakan metode kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati, ada terdapat di beberapa tempat di dalam al-Quran bahawa *Ya'at al-Zawa'id* ini ada memberi maksud tertentu dan terdapat juga hanya sekadar sebutan sahaja.

## Kata kunci

Penambahan *Ya' al-Zawa'id*, implikasi terhadap makna.

**How to Cite:** Jaafar, M. mahfuz, Muhammad Syafee Salihin, & Ngah, M. I. (2025). Analisis Penambahan *Ya' Al-Zawa'id* Dan Implikasi Terhadap Makna Ayat Al-Quran: Satu Kajian: An Analysis of the Addition of *Ya' al-Zawa'id* and Its Implications on the Meaning of Qur'anic Verses: A Study. QIRAAT: Jurnal Al-Quran Dan Isu-Isu Kontemporari, 8(1), 70–78.

DOI: <https://doi.org/10.53840/qiraat.v8i1.95>

## 1.0 PENDAHULUAN

*Ya'at al-Zawa'id* atau tunggalnya disebut *Ya' Za'idah* iaitu huruf *Ya'* tambahan di dalam al-Quran dari segi bacaan yang terletak selepas perkataan nama dan perbuatan. Di dalam pembacaan al-Quran memang terdapat wajah bacaan samada dengan *ithbat* atau *hadhf* bacaan *ya'* tambahan berkenaan pada beberapa tempat. Penelitian penulis berkenaan *Ya'at al-Zawa'id* melalui terjemahan al-Quran mendapati, ia bukan sekadar huruf tambahan tanda memberi makna khusus seperti huruf *ziyadah* dalam ilmu *Rasm al-Quran* iaitu huruf *alif*, *waw* dan *ya'* yang tidak berfungsi pada suatu perkataan dalam al-Quran (Siti Azwanie Che Omar, 2022) atau memberi makna khusus pada terjemahannya. Dalam kertas kerja ini, penulis akan menerangkan apakah yang dinamakan dengan *Ya'at al-Zawa'id* serta apakah ianya sekadar huruf tambahan atau ada memberi makna tertentu di dalam ayat al-Quran. Penulis juga akan mengemukakan tempat-tempat yang terdapat *Ya'at al-Zawa'id* di dalam al-Quran berserta dengan Imam ataupun Qurra' dalam ilmu Qiraat yang membaca dengan *Ya'at al-Zawa'id*.

## 2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan menganalisis *Ya'at al-Zawa'id* dalam ayat-ayat al-Qur'an samada membawa makna tertentu atau sekadar penambahan dalam sebutan.

## 3.0 METODOLOGI.



Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian perpustakaan. Sumber utama meliputi karya-karya muktabar dalam bidang qira'at seperti Taqrib al-Ma'ani, Tayyibah al-Nasyr, dan Hujjah al-Qira'at. Kajian juga merujuk kepada kitab tafsir seperti Tafsir al-Tabari dan al-Qurtubi untuk menganalisis makna ayat yang melibatkan Ya'at al-Zawa'id. Data dianalisis secara tematik berdasarkan fungsi huruf ya tambahan sama ada membawa makna ya' mutakallim atau tidak

**4.0 MAKSUD DAN DEFINISI YA'AT AL-ZAWA'ID.**

Dalam ilmu Qiraat terdapat satu bab yang disebut *Ya'at al-Zawa'id* iaitu bermakna huruf Ya' tambahan pada hujung perkataan di dalam al-Quran samada di hujung atau di tengah ayat. *Ya'at al-Zawa'id* ini berada pada perkataan isim seperti الجوار - الداع, juga pada perkataan fi'il seperti يأت - يسر dan tidak pada perkataan huruf seperti إلى - مع. [ Sayyid Lasyin, *Taqrib al-Ma'ani*, t.t]

*Ya'at al-Zawa'id* tertulis pada mashaf bagi mashaf qurra' yang ada membaca ya' tersebut dan begitulah sebaliknya bagi qurra' yang tidak membacanya sebagaimana mashaf bagi qiraat riwayat *Hafs`an`Asim*. Dan ianya berlaku khilaf pada lingkungan *hadhf* dan *ithbat* samada bacaan ketika berhenti atau bersambung dengan mengikut imam-imam Qiraat. [ Sayyid Lasyin, *Taqrib al-Ma'ani*, t.t]

Berikut ini merupakan jadual bagi bacaan *ya'at al-zawa'id* secara umum mengikut imam-imam Qiraat:

**Mazhab *Ya'at al-Zawa'id***

Imam yang tujuh	Bacaan ketika wasl		Bacaan ketika waqf	
<i>Nafi`</i>	✓		×	
<i>Ibn Kathir</i>	✓		✓	
<i>Abu`Amr</i>	✓		×	
<i>Ibn`Amir</i>	✓	×	✓	×
<i>`Asim</i>	×		×	
<i>Hamzah</i>	✓		×	
<i>Al-Kisa'i</i>	✓		×	

Petunjuk:

✓	<i>Ithbat Ya'</i> / Mendatangkan huruf Ya
×	<i>Hadhf Ya'</i> / Tiada huruf Ya

Secara khusus, terdapat satu tempat dalam Surah al-Naml di mana Imam Hamzah mengithbatkan huruf ya' sama ada ketika bacaan bersambung (wasl) mahupun ketika berhenti (waqf) tanpa berlaku sebarang khilaf.



Keadaan ini dilihat agak berlainan daripada kebiasaan wajah bacaan Imam Hamzah seperti yang ditunjukkan dalam jadual perbandingan.[Sayyid Lasyin, *Taqrib al-Ma`ani, t.t*]

Pada pemerhatian awal penulis dalam aspek makna bagi *Ya`at al-Zawa`id* ini, dengan berdasarkan kitab-kitab tafsir dan terjemahan al-Quran, penulis mendapati sebutan *Ya`* tambahan tersebut memberi makna “aku” atau *ya` mutakkalim* iaitu( orang yang berkata) pada satu-satu tempat dan tidak memberi apa-apa makna pada tempat-tempat yang lain di dalam al-Quran dan ianya sekadar sebutan *ziyadah* sahaja. Penulis akan menyatakan tempat-tempat yang terdapat padanya *Ya`* tambahan di dalam al-Quran berserta menganalisis berkenaan maknanya dalam penulisan ini.

**5.0 SENARAI TEMPAT-TEMPAT YA`AT AL-ZAWA`ID DI DALAM AL-QURAN.**

Di dalam buku perbahasan ilmu Qiraat ada menyatakan bahawa jumlah keseluruhan *Ya`at al-Zawa`id* yang terdapat di dalam al-Quran adalah sebanyak 62 tempat. Berikut ini penulis menyenaraikan tempat-tempat tersebut.[Sayyid Lasyin, *Taqrib al-Ma`ani, t.t*]

Surah	Ayat
Al-Baqarah	۱- وَأَتَّقُوا يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ ۲- أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ
Ali Imran	۱- وَمَنِ اتَّبَعَنِي فَقُلْ لِّلَّذِينَ ۲- وَخَافُونَ إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ
Al-Ma`idah	وَأَحْسِنُونَ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا
Al-An`am	وَقَدْ هَدَيْنَا وَلَا أَخَافُ
Al-A`raf	ثُمَّ كِيدُونَ فَلَا تُنظِرُونَ
Hud	۱- يَوْمَ يَأْتِ لَا تَكَلِّمُ نَفْسٌ ۲- فَلَا تَسْأَلِنِ مَا لَيْسَ لَكَ ۳- وَلَا تُخْزُونَ فِي ضَيْفِي
Yusuf	۱- حَتَّىٰ تُوْتُونَ مَوْثِقًا مِّنَ اللَّهِ ۲- إِنَّهُ مَن يَتَّقِ وَيَصْبِرْ
Al-Ra`d	وَالشَّهَادَةِ الْكَبِيرِ الْمُتَعَالِ
Ibrahim	۱- رَبَّنَا وَتَقَبَّلْ دُعَاءِ

	<p>٢- بِمَا أَشْرَكْتُمُونِ مِنْ قَبْلُ<sup>ط</sup></p> <p>٣- وَخَافَ وَعَبِيدُ</p>
Al-Isra'	<p>١- لَيْنَ أَخْرَجْنِي إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ</p> <p>٢- فَهُوَ الْمُهْتَدِ<sup>ط</sup></p>
Al-Kahf	<p>١- وَقُلْ عَسَى أَنْ يَهْدِيَنِّي رَبِّي</p> <p>٢- فَعَسَى رَبِّي أَنْ يُؤْتِيَنِي خَيْرًا</p> <p>٣- عَلَى أَنْ تُعَلِّمَنِي مِمَّا عُلِّمْتَ</p> <p>٤- إِنْ تَرَىٰ أَنَا أَقَلَّ</p> <p>٥- فَهُوَ الْمُهْتَدِ<sup>ط</sup></p> <p>٦- فَلَا تَسْأَلْنِي عَنْ شَيْءٍ</p> <p>٧- قَالَ ذَلِكَ مَا كُنَّا نَبِغُ</p>
Taha	<p>أَلَا تَتَّبِعُنِي أَفَعَصَيْتَ أَمْرِي</p>
Al-Haj	<p>١- سَوَاءٌ أَلْعَدِكُمْ فِيهِ وَالْبَادِ</p> <p>٢- فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ</p>
Al-Naml	<p>١- قَالَ أَتَمِدُّونَ بِمَالِ</p> <p>٢- فَمَا آتَيْنَاهُ اللَّهُ خَيْرٌ</p>
Al-Qasas	<p>١- إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُونِ</p> <p>٢- أَنْ يَهْدِيَنِي سَوَاءَ السَّبِيلِ</p>
Saba'	<p>١- وَجَفَانٍ كَالْجَوَابِ</p> <p>٢- فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ</p>
Fatir	<p>فَكَيْفَ كَانَ نَكِيرِ</p>
Yasin	<p>وَلَا يُنْفِقُونَ</p>
Al-Saffat	<p>إِنْ كِدْتَ لِتَرْدِينِ</p>
Al-Zumar	<p>فَبَشِّرْ عِبَادِ</p>

Al-Ghafir	<p>١- <u>اَتَّبِعُونَ اِهْدِيكُمْ</u></p> <p>٢- <u>لِيُنذِرَ يَوْمَ التَّلَاقِ</u></p> <p>٣- <u>اَخَافُ عَلَيْكُمْ يَوْمَ التَّنَادِ</u></p>
Al-Syura	<p><u>الْجُورِ فِي الْبَحْرِ كَالْاَعْلَمِ</u></p>
Al-Zukhruf	<p><u>وَأَتَّبِعُونَ هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ</u></p>
Al-Dukhan	<p>١- <u>وَاِنِّي عُذْتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُمْ اَنْ تَرْجُمُونِ</u></p> <p>٢- <u>وَ اِنْ لَمْ تُؤْمِنُوْا لِيْ فَاعْتَرِلُوْا</u></p>
Qaf	<p>١- <u>وَأَسْتَمِعُ يَوْمَ يُنَادِ الْمُنَادِ مِنْ مَّكَانٍ قَرِيبٍ</u></p> <p>٢- <u>كُلُّ كَذَبٍ اَلرُّسُلِ فَحَقَّ وَعِيدِ</u></p> <p>٣- <u>فَذَكِّرْ بِالْقُرْءَانِ مَنْ يَخَافُ وَعِيدِ</u></p>
Al-Qamar	<p>١- <u>يَوْمَ يَدْعُ الدَّاعِ اِلَى شَيْءٍ نُّكْرٍ</u></p> <p>٢- <u>مُّهْطِعِينَ اِلَى الدَّاعِ</u></p> <p>٣- <u>فَكَيْفَ كَانَ عَذَابِيْ وَنُذْرِ</u></p>
Al-Mulk	<p>١- <u>فَسَتَعْلَمُوْنَ كَيْفَ نَذِيْرٍ</u></p> <p>٢- <u>فَكَيْفَ كَانَ نَكِيْرٍ</u></p>
Al-Fajr	<p>١- <u>وَاللَّيْلِ اِذَا يَسِرُ</u></p> <p>٢- <u>وَتَمُوْدَ الَّذِيْنَ جَابُوا الصَّخْرَ بِالْوَادِ</u></p> <p>٣- <u>فَيَقُوْلُ رَبِّيْ اَكْرَمٰنِ</u></p> <p>٤- <u>فَيَقُوْلُ رَبِّيْ اَهْلٰنِ</u></p>

Jika dilihat kepada setiap ayat yang tersenarai di atas ternyata pada penulisannya tiada satu pun ayat yang menambah huruf *ya' za'idah*. Ini adalah kerana ia merupakan penulisan mashaf yang diguna pakai bagi qiraat riwayat *Hafs an Asim* yang *ittifaq* tiada wajah *ithbat ya' za'idah*.

### 6.0 ANALISIS MAKNA YA'AT AL-ZAWA'ID PADA AYAT AL-QURAN.

Selaras dengan objektif utama kajian ini, penulis menganalisis bacaan *Ya'at al-Zawa'id* yang terdapat dalam beberapa ayat terpilih al-Qur'an bagi menilai samada huruf *ya'* tambahan tersebut membawa



implikasi makna, khususnya sebagai ya' mutakallim yang bermaksud 'aku', atau sekadar berfungsi sebagai unsur fonetik tambahan tanpa sebarang perubahan semantik. Analisis ini dilakukan berdasarkan perbandingan qiraat serta merujuk kepada tafsir dan sumber-sumber autoritatif dalam ilmu Qira'at dan bahasa Arab.

### 6.1 Ya'at al-Zawa'id yang memberi makna Ya' Mutakallim (Aku):

وَاتَّقُونِ يَا أُولِيَ الْأَلْبَابِ

Terjemahan: “Dan bertaqwalah kepadaKU wahai orang yang mempunyai akal”

أُجِيبُ دَعْوَةَ الدَّاعِ إِذَا دَعَانِ

Terjemahan: “Aku kabulkan doa orang berdo'a apabila dia berdo'a kepadaKu”

فَإِنْ حَاجُّوكَ فَقُلْ أَسَلَمْتُ وَجْهِي لِلَّهِ وَمَنِ اتَّبَعَنِ

Terjemahan: “Jika mereka membantah engkau (Muhammad S.A.W), maka katakanlah “aku berserah diri kepada Allah dan (demikian pula) orang-orang yang mengikuti aku”

فَلَا تَخَافُوهُمْ وَخَافُونَ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ

Terjemahan: “Maka janganlah engkau takut kepada mereka dan takutlah kepadaKu sekiranya kamu orang yang beriman”

قُلْ أَدْعُوا شُرَكَاءَكُمْ ثُمَّ كِيدُونِ فَلَا تُنظَرُونَ

Terjemahan: “Panggillah sekutu-sekutumu (yang kamu anggap sekutu Allah) kemudian lakukanlah tipu daya (untuk mencelakakan)Ku, maka janganlah bertangguh lagi”

وَإِنِّي عُذْتُ بِرَبِّي وَرَبِّكُمْ أَنْ تَرْجُمُونِ

Terjemahan: “Dan sesungguhnya aku berlingdung dengan Tuhanku dan Tuhanmu dari ancamanmu untuk merejamku”

وَإِنْ لَمْ تُؤْمِنُوا لِي فَأَعْتَزِلُونِ



Terjemahan: “Dan jika kamu tidak beriman kepadaku maka biarkanlah aku (memimpin bani Israil)”

## 6.2 *Ya’at al-Zawa’id* yang tiada memberi makna (sekadar huruf dan sebutan tambahan)

وَمَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ

Terjemahan: “Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah maka dialah yang mendapat petunjuk”

وَجِفَانٍ كَالْجِوَابِ وَقُدُورٍ رَاسِيَتٍ

Terjemahan: “...dan piring-piring (yang besarnya) seperti kolam dan periuk-periuk yang tetap (berada di atas tungku)

لِيُنذِرَ يَوْمَ التَّلَاقِ

Terjemahan: “... untuk memperingatkan manusia tentang hari Kiamat”

وَيَقَوْمٍ إِنَّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ يَوْمَ التَّنَادِ

Terjemahan: “Wahai kaumku, sesungguhnya aku benar-benar khuatir ke atas kamu akan siksaan hari saling memanggil”

Penulis hanya mengemukakan beberapa contoh ayat daripada senarai yang telah dibentangkan bagi menunjukkan bahawa *Ya’at al-Zawa’id* di dalam al-Qur’an berfungsi dalam dua bentuk utama. Pertama, sebagai *ya’ mutakallim* yang membawa makna 'aku', dan kedua, sebagai tambahan fonetik yang tidak memberikan sebarang implikasi makna terhadap ayat.

Menurut al-Imam al-Jalil Abi Zur’ah ‘Abd al-Rahman dalam Hujjah al-Qira’at (2001), terdapat ayat-ayat yang meskipun tidak dibaca dengan *Ya’at al-Zawa’id* oleh sesetengah imam qira’at, namun dari sudut semantik dan tafsiran, makna 'aku' atau 'yang berkata' tetap difahami. Ini menunjukkan bahawa unsur makna boleh tetap wujud walaupun huruf *ya’* tidak diithbatkan dalam bacaan. Beliau menegaskan bahawa makna tersebut boleh dikenalpasti melalui petunjuk nahu, seperti baris bawah pada huruf terakhir kalimah yang menandakan *ya’ mutakallim* tersembunyi (*ya’ mahzufah*) dari aspek makna, walaupun tidak dinyatakan dalam bentuk bacaan.



Selain itu, pandangan ini turut disokong oleh Sayyid Lasyin dalam Taqrib al-Ma'ani fi Syarh Hirz al-Amani (1413H), yang menyatakan bahawa perbezaan antara ithbat dan hadhf Ya' dalam bacaan bukan semata-mata isu fonetik, tetapi berkait rapat dengan konteks semantik dan struktur kalimah. Dalam sesetengah ayat, pengguguran ya' tidak mengubah makna kerana konteks atau struktur ayat telah cukup untuk menyampaikan makna 'aku'.

Dalam masa yang sama, terdapat juga ayat-ayat yang menunjukkan bahawa kehadiran ya' tidak membawa sebarang makna tambahan. Menurut analisis Dr. Muhammad Salim Muhaysin dalam al-Hadi fi Syarh Tayyibah al-Nasyr (1997), Ya'at al-Zawa'id dalam ayat-ayat sedemikian hanyalah tambahan dari sudut bacaan yang tidak memberi kesan kepada maksud atau penafsiran kalimah tersebut. Maka, kehadiran ya' dalam konteks ini dianggap sebagai *ziyadah lafziyyah* (tambahan lisan) semata-mata, tanpa menambah makna baharu dalam struktur ayat.

## 7.0 KESIMPULAN.

Hasil daripada penulisan ini, penulis dapat memenuhi objektif utama bagi penulisan ini iaitu dapat dikemukakan bahawa *Ya'at al-Zawa'id* yang terdapat di dalam al-Quran, ada memberi makna *ya' mutakallim* (aku) dan ada yang hanya sekadar tambahan pada huruf dan sebutan sahaja. Seterusnya dapat menjelaskan apakah definisi *Ya'at al-Zawa'id* dalam ilmu Qiraat. Kesimpulannya, perbezaan antara Ya'at al-Zawa'id yang memberi makna dan yang tidak memberi makna perlu dianalisis berdasarkan gabungan sumber qira'at dan tafsir. Analisis ini membuktikan bahawa pemahaman terhadap struktur nahu, wajah bacaan dan konteks ayat sangat penting dalam menilai implikasi semantik bagi Ya'at al-Zawa'id di dalam al-Qur'an.

### CONFLICT OF INTEREST / KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan sama ada daripada sudut kewangan dan sebagainya dalam menjalankan penyelidikan ini

### ACKNOWLEDGEMENT/ PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada semua yang terlibat dalam penulisan kajian ini.

## RUJUKAN

Abū Zur'ah 'Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad. Ḥujjah al-Qirā'āt. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2001.

Hussain Unang. Kamus al-Ṭullāb. Kuala Lumpur: Darul Fikir, 1994.

Majma' al-Malik Fahd li Ṭibā'at al-Muṣḥaf al-Sharīf. al-Qur'an dan Terjemahan. Kuala Terengganu: Pustaka Darul Iman, 2007.

Muhammad Salim Muhaysin. al-Hādī: Sharḥ Tayyibat al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr wa al-Kashf 'an 'Ilal al-Qirā'āt wa Tawjīhihā. Kaherah: [Nama penerbit, jika diketahui], 1997.

Sayyid Lasyin Abu al-Farḥ. Taqrib al-Ma'ānī fī Sharḥ Hirz al-Amānī fī al-Qirā'āt al-Sab'. Madinah: Dār al-Zamān, 1413H.



Siti Azwanie Che Omar, 2022, Analisis Manhaj Ilmu Rasm dalam Surah Al-Baqarah: Kajian Manuskrip Al-Quran MSS 4322 Karangan Pangeran Jimat, Jurnal Usuluddin 50 (2) 2022

Syahāb al-Dīn Abī Bakr ibn al-Jazarī. Sharḥ Ṭayyibat al-Nashr fī al-Qirā'āt al-'Ashr. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.